

## PEREMPUAN SERPIHAN MALAM: NARATIF PENGALAMAN DI LANDSKAP KEHIDUPAN

Saravanan P. Veeramuthu

### ABSTRAK

Karya sastera merupakan hasil proses imaginasi yang merupakan cerminan fenomena sosial yang terjadi dalam masyarakat tersebut. Hal ini terjadi kerana karya sastera pada dasarnya merupakan fenomena kehidupan, struktur dan kebudayaan suatu masyarakat. Secara ringkasnya, dalam kajian ini, peneliti akan menggunakan analisis deskriptif. Analisis ini digunakan untuk melihat sejauhmana dalam kumpulan puisi ini, Shirley Idris berjaya mengungkap isu feminis dalam hasil karyanya. Data yang digunakan ialah Kumpulan Puisi Perempuan Serpihan Malam (2016) terbitan Ikatan Penulis Kopi Sastera Malaysia, karya Shirley Idris. Data diolah berdasarkan kerangka hubungan psikologi yang telah dirumuskan oleh Ratna (2004) yakni unsur-unsur kejiwaan pengarang; unsur-unsur kejiwaan dalam karya dan unsur-unsur kejiwaan pembaca. Setelah menganalisis ketiga aspek tersebut, maka peneliti akan menyimpulkan unsur feminisme yang terkandung dalam kumpulan ini.

Kata Kunci : Puisi Perempuan Serpihan Malam, Shirley Idris, feminis, puisi, wanita

So what do you see when you look at me?  
It's just an empty space  
Your space  
Because I am you  
Whatever you see comes from inside you  
You created me because you need me  
I am an empty space for all your ills, all your waste  
You don't see me because you have made me invisible  
you pretend I'm not there

-"Whore," Lucy Bailey

### PENGENALAN

Dalam era globalisasi ini golongan wanita masih tidak dapat lari daripada isu-isu mendesak seperti keganasan rumah tangga, permerdagangan manusia, penganiayaan terutama hak sebagai isteri, gejala pembuangan bayi dan sebagainya (Nursyamimi Saidi, 2014). Kita sedia maklum bahawa isu pelacuran yang merupakan salah satu isu wanita dan isu kontroversi yang senantiasa menagih perhatian kita. 'Profesion' yang paling lama ini (Tan Geck Choon, 2014) bukanlah satu fenomena baru yang wujud dalam landasan kehidupan manusia (Julian, 1980). Pada hakikatnya kita sedar bahawa golongan ini secara terang-terangan melanggar norma masyarakat serta perintah agama dengan menjajakan dirinya. Seringkali mereka mencagarkan harga diri mereka demi memenuhi tuntutan kehidupan mereka serta melangsaikan keperluan hidup dan ada pula yang sekadar terperangkap kerana terlalu mengejar keglamoran dunia kebendaan semata-mata.

Dari satu sisi yang lain, sastera pula menterjemahkan manifestasi kehidupan hasil daripada pengamatan seseorang pengarang terhadap kehidupan di persekitarannya. Sehubungan dengan itu, hasil sastera tersebut harus dilihat dan dihayati mengikut konvensi sastera tersebut kerana sesebuah ciptaan atau karya sastera sebenarnya melakarkan dunia rekaan pengarang yang terhasil melalui proses penghayatan, pemikiran dan penilaiannya terhadap dunia nyata. Hasilnya sesebuah karya sastera boleh dianggap sebagai potret kehidupan yang dijelmakan oleh pengarang melalui adunan realiti dan imaginasi. Dari perspektif ini Zaidan (2002) mengemukakan bahawa sastera menampilkan gambaran kehidupan dan kehidupan itu sendiri pula merupakan suatu kenyataan sosial. Dalam konteks ini seseorang pengarang menjadi subjek individu yang berusaha untuk melahirkan pandangan dunianya kepada subjek kolektifnya. Antara genre sastera yang sering digunakan untuk menampilkan unsur-unsur sosial itu ialah genre puisi.

### KEHIDUPAN DAN PUISI

Menurut Nnamdi Anumihe (2017) puisi, "has proved most effective as an instrument of social criticism". Secara mudahnya puisi merupakan sebuah ekspresi konkrit dan yang bersifat artistik yakni teretus daripada pemikiran manusia serta dilahirkan dalam bahasa emosional dan berirama (Tarigan, 1991). Pendapat ini menyuguhkan kepada kita bahawa sebenarnya kelahiran puisi terjadi sebagai ekspresi pengarang dalam usahanya untuk menginterpretasikan pemikiran, perasaan, dan pengalaman. Pradopo (2000) pula melihatnya sebagai rakaman dan interpretasi pengalaman manusia yang penting, digubah dalam bentuk yang paling berkesan. Berdasarkan pendapat tersebut, bolehlah dirumuskan bahawa puisi itu merupakan ekspresi pemikiran yang dinyatakan dengan menarik dan dalam susunan yang berirama serta membangkitkan perasaan, yang merangsang imaginasi pancaindera pembaca. Lantaran itu, sebagai hasil kesusasteraan puisi itu bukanlah sesuatu yang autonomi, tetapi pada hakikat sebenarnya terkait dengan situasi dan persekitaran sosial yang melatari kelahirannya. Hal ini membuktikan bahawa sebagai produk sastera, puisi bertindak sebagai situasi intuisi sosial yang bermediumkan bahasa.

## MENJENGUK PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam era moden yang penuh dengan pancaroba, manusia sering berhadapan dengan pelbagai masalah kehidupan. Akibat asakan yang semakin mendalam, masyarakat Malaysia turut mengalami pelbagai perubahan dalam kehidupan mereka. Modenisasi ini telah memberi kesan kepada golongan wanita Malaysia yang selama ini terkurung dalam budaya timur yang hanya memagangkan wanita dalam ruang domestik. Hasilnya kehidupan mereka kini berubah dan memperlihatkan rencaman masalah yang unik.

Karya sastera merupakan hasil proses imaginasi yang merupakan cerminan fenomena sosial yang terjadi dalam masyarakat tersebut. Salah satu fenomena yang agak menarik apabila kita membicarakan penulis-penulis di negara kita ialah sejak akhir-akhir, terlihat kehadiran sejumlah pengarang wanita generasi muda yang agak prolifik dalam berkarya. Karya-karya mereka, mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada khalayak pembaca. Kehadiran penulis wanita ini, sebenarnya bukanlah satu kebetulan, tetapi memiliki hubungan yang rapat dengan transformasi sosiobudaya dalam masyarakat dunia secara am dan Malaysia secara khususnya. Satu lagi kelebihan karya para pengarang wanita ialah kecenderungan mereka dalam mengangkat dan menggambarkan tema yang berhubungan dengan dunia kewanitaan. Sebagai natijahnya, muncul perjuangan para feminis dan emansipasi wanita yang ingin menegakkan hak serta kesetaraan gender yang turut mewarnai karya-karya sastera hasil nukilan mereka. Pembicaraan tentang wanita dalam sastera sering kali menjurus kepada melihat wanita sebagai bahan penceritaan, sama ada dalam hasil karya pengarang lelaki ataupun wanita. Pemerian watak wanita dalam karya sastera oleh pengarang lelaki dan wanita, dikatakan berbeza. Berdasarkan hasil-hasil kajian, pengarang lelaki dikatakan cenderung untuk memberikan gambaran yang tidak tepat mengenai wanita (Norhayati Binti Ab. Rahman, 2005).

Stereotaip terhadap perempuan tidak hanya terjadi dalam ruang kehidupan sosial, tetapi juga ada dalam tradisi teks (Muwafiqotul dan Hatim, 2016). Hal ini terjadi kerana karya sastera pada dasarnya merupakan fenomena kehidupan, struktur dan kebudayaan suatu masyarakat. Di samping itu, sering kali pengalaman wanita dipinggirkan serta suara wanita 'dibisukan' dan bentuk-bentuk paparan yang didokong oleh watak-watak wanita tersebut sekadar menyerlahkan *malecentredness* (Norhayati Binti Ab. Rahman, 2005). Lantaran itu, kajian ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa karya-karya tulisan pengarang wanita mempunyai kelainan berbanding dengan gaya penulisan pengarang lelaki. Teori sastera feminisme melihat karya sastera sebagai cerminan realiti sosial patriarki. Oleh sebab itu, tujuan penerapan teori feminis ini adalah untuk membongkar anggapan patriarki yang tersembunyi melalui gambaran atau citra perempuan dalam karya sastera. Dengan demikian, pembaca atau peneliti akan membaca teks sastera dengan kesedaran bahawa dirinya ialah perempuan yang tertindas oleh sistem sosial patriarki sehingga dia akan jelik melihat bagaimana teks sastera yang dibacanya itu menyembunyikan dan memihak kepada pandangan patriarki. Di samping itu, kajian sastera dengan pendekatan feminis tidak terbatas hanya pada keupayaan untuk membongkar anggapan-anggapan patriarki yang terkandung dalam cara penggambaran wanita melalui teks sastera, tetapi berkembang untuk mengkaji sastera yang dihasilkan oleh kaum wanita. Oleh itu, sejauh manakah elemen ini ditampilkan dalam kumpulan puisi ini? Hal ini menarik untuk diteliti.

Menurut Norhayati Binti Ab. Rahman (2005) salah satu kelebihan karya-karya penulis wanita ialah karya mereka lebih peka kepada pengalaman dan identiti diri wanita itu sendiri sama ada baik yang bersifat biologi, psikologi, budaya, mahupun bahasa wanita. Hal ini demikian kerana penulisan mereka dikatakan sepenuhnya berpusat kepada wanita (*women centered*). Lantaran itu, mereka mempunyai ruang dan kebebasan untuk melukiskan segala aspek kewanitaan yang berpaksi kepada pengalaman mereka sebagai unsur utama dalam karya. Oleh itu, kajian ini dikemukakan sebagai salah satu cara untuk melihat situasi ini dengan menganalisis sejauh manakah personaliti Shirley Idris mempengaruhi sensitivitinya dalam menghasilkan kumpulan puisi *Perempuan Serpihan Malam?* Bersandarkan hipotesis ini, kajian ringkas ini bertujuan untuk meninjau puisi-puisi yang dihasilkan oleh Shirley Idris dan mengenal pasti fasa-fasa kejiwaan yang terkesan dalam kumpulan puisi ini.

Pelbagai kajian yang telah dilakukan di negara kita berhubung dengan wanita dan hasil karya mereka. Siti Hajar Che Man (1999) telah membuat kajian yang berjudul "Feminisme dalam kesusasteraan Melayu: analisis kaedah bacaan Showalter". Selain itu, terdapat juga penelitian yang telah dilakukan oleh Siti Khariah yang berjudul "Citra Wanita dalam Novel-novel Melayu dari perspektif Pengarang Wanita" (2004). Kajian ini menganalisis 15 buah novel yang dihasilkan oleh penulis wanita Melayu di Malaysia menggunakan pendekatan eklektik dan melihat citra wanita yang digambarkan. Selain itu, Nor Azlia Mat Jaaffar (2009) pula telah meneliti teori feminisme untuk kajian sarjana sasteranya di Universiti Malaya. Tajuk kajiannya ialah "Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh karya Zaharah Nawawi: penerapan teori feminisme".

Muhammad Nasir (2011) pula telah membuat kajian Phdnya yang berjudul "Penjajahan dalam feminisme kajian novel *Princess, Daughters of Arabia, Desert Royal* karya Jean P. Sasson dan *Inside the Kingdom* karya Carmen Bin Laden di Universiti Sains Malaysia. Antara kajian lain tentang wanita dan sastera di Malaysia ialah buku yang berjudul *Gender dalam Sastera Melayu* (2013) yang disunting oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir. Buku ini merupakan satu hasil kajian terkini berhubung gender dalam sastera Melayu. Terdapat lapan kajian yang berkaitan dengan wanita dalam buku ini. Di samping itu, Maryam Habibah Kamis (2015) telah mengkaji "Tema-tema feminisme dalam karya Nawal el-Saadawi: kajian dari perspektif Islam" sebagai disertasi sarjananya di Fakulti Pengajian Islam di Universiti Malaya. Rajaswary (2015) juga telah membuat kajian tentang wanita dalam karya sastera. Kajiannya dalam kesusasteraan Tamil ini bertujuan mengenal pasti citra wanita, mengkaji emansipasi wanita dan menganalisis kedudukan serta martabat kaum wanita dalam novel Tamil Malaysia berdasarkan teori feminisme. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan memberikan tumpuan pada 24 buah novel Tamil Malaysia yang diterbitkan dalam jangka masa tahun 2000 hingga 2012.

Elizatul Nastaysah Kamaruddin (2016) juga telah mengkaji tentang wanita dalam sastera. Kajian sarjananya berjudul "Representasi watak wanita dalam karya sastera Melayu moden berdasarkan kerangka Taklif". Tesis ini distrukturkan bagi mencapai dua objektif penting iaitu menganalisis, dan seterusnya merumuskan representasi watak-watak wanita dalam karya sastera Melayu moden periode awal berdasarkan kerangka Taklif. Dalam usaha merealisasikan kedua-dua objektif ini, tesis ini

memilih untuk menerapkan kerangka Taklif sebagai kerangka analisis. Taklif merupakan satu kerangka Islam yang menunjangi gagasan Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan. Hanya terdapat satu kajian yang membicarakan hubungan antara puisi dan feminisme. Kajian ini telah dilakukan oleh Palani Krishnasamy (2011) untuk disertasi Sarjana Sasteranya di Universiti Malaya. Kajiannya bertajuk "Pemikiran feminisme dalam sajak Tamil moden di Malaysia".

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dilakukan di peringkat sama ada artikel, buku dan tesis doktor falsafah sebelum ini, didapati tumpuan lebih menjurus kepada genre prosa kecuali kajian Palani. Kajian-kajian yang telah dilakukan dilihat lebih mengarah kepada hubungan karya tersebut dengan citra watak. Namun berdasarkan penelitian yang telah dilakukan, kebanyakan kajian hanya melihat karyanya sahaja dan tidak melihat kaitan penyair ini dengan karyanya. Oleh itu, kajian ini berbeza dengan kajian-kajian lepas kerana kajian yang dilakukan ini akan melihat kaitan antara kedua-duanya (penyair dan karya) melalui personaliti diri yang mempengaruhi sensitiviti Shirley Idris dalam menghasilkan kumpulan puisi *Perempuan Serpihan Malam*. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan dapat menambahkan lagi kajian tentang feminisme dengan mengemukakan ilmu dan isu yang belum pernah dikaji sebelum ini.

## MERAUT LANDASAN TEORI

Menurut Fakih (2010) dalam meneliti kajian sosial, terdapat dua aliran besar dalam feminisme yakni aliran status quo atau fungsionalisme dan aliran konflik. Aliran fungsional mula diperkembangkan oleh Robert Merton dan Talcott Parsons dan melihat masyarakat sebagai suatu sistem yang terdiri daripada beberapa bahagian (agama, pendidikan, struktur politik dan keluarga) dan saling berkaitan serta bahagian-bahagian tersebut terus-menerus mencari keseimbangan (equilibrium) dan keharmonian. Oleh itu, konflik yang menjadi faktor penggugat harus dihindari dan keadaan harmoni perlu dipelihara serta dipandang tinggi. Pengaruh fungsionalisme turut dapat dikesan dalam pemikiran feminisme liberal. Aliran yang dipelopori oleh Mary Wollstonecraft ini muncul sebagai tindak balas terhadap sikap segelintir pihak yang pada dasarnya menjunjung tinggi nilai autonomi, persamaan dan nilai moral serta kebebasan individu, tetapi pada masa yang sama dianggap mendiskriminasi kaum perempuan.

Tanggapan terpenting aliran feminisme liberal ini ialah kebebasan dan kesamaan bercirikan sifat rasional dan wujud garisan pemisahan antara dunia peribadi dan dunia publik. Kerangka kerja feminis liberal dalam memperjuangkan persoalan masyarakat ke arah peluang dan hak yang sama untuk setiap individu, termasuk golongan wanita kerana secara asasnya tidak ada perbezaan antara peluang bagi lelaki mahupun perempuan. Oleh itu, aliran ini beranggapan bahawa jika golongan wanita ini kelihatan terkebelakang, keadaan ini hanya merupakan akibat daripada golongan wanita itu sendiri yang tidak mampu bersaing dan tewas disebabkan tidak memanfaatkan peluang yang sedia wujud untuk diri mereka. Izharnya, aliran feminisme liberal ini bertunjangan pendirian semua manusia, sama ada lelaki ataupun wanita sebenarnya diciptakan seimbang dan sama serta tidak sepatutnya terjadi lagi penindasan sesama mereka. Aliran ini beranggapan bahawa patriarki merupakan fenomena yang universal dan merupakan punca kepada segala penindasan terhadap wanita. Perlu juga ditegaskan bahawa aliran ini turut menolak persamaan secara keseluruhan antara lelaki dan wanita perempuan, terutamanya yang dalam fungsi reproduksi.

Dalam konteks perjuangan feminis terdapat dua pendapat yang mencetus dua bentuk aliran dalam kalangan pemikir feminis iaitu feminis liberal yang melihat perempuan sebagai individu yang setara dengan lelaki dan aliran feminis nonliberal pula menyarankan gagasan perempuan sebagai anggota komunitinya. Aliran feminis nonliberal menitikberatkan kedudukan wanita dalam kalangan ahli masyarakat, sehingga cenderung mengakomodasi perbezaan yang wujud serta melihat golongan wanita sebagai mangsa subordinasi dalam masyarakat yang patriarki. Secara mudanya, feminisme liberal ini merupakan aliran feminisme yang berdasarkan konsep liberal, yang mempercayai lelaki dan wanita itu memiliki hak dan kesempatan yang sama, serta memiliki rasional yang sama.

Dalam memperkatakan tentang tujuan dan peranan penelitian sastera, Pradopo (1988) berpendapat bahawa usaha tersebut sebenarnya adalah untuk memahami makna karya sastera itu sedalam-dalamnya (Pradopo, 1990:942). Analisis ini bertujuan untuk membongkar dan memaparkan secara ringkas sejauhmanakah kumpulan puisi *Perempuan Serpihan Malam* mengungkapkan makna kehidupan golongan manusia yang tanpa rasa munafik dan tidak malu menjajakan tubuh mereka kepada lelaki berhidung belang serta berkelana dalam ketidakpastian hidup.

Kedudukan karya sastera dalam meneliti masyarakat adalah sangat relevan kerana karya sastera sarat dengan kenyataan atau realiti yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Hal ini demikian kerana nilai-nilai yang diterima oleh masyarakat sering tercermin karya yang dihasilkan oleh pengarang berdasarkan realiti sosial yang terdapat dalam masyarakatnya tetapi dalam konteks karya sastera realiti ini diolah secara kreatif. Salah satu sisi masyarakat yang penting ialah wanita. Kajian yang membicarakan tentang wanita dianggap unik (Mubin, 2008). Lantaran itu, Nugroho (2008) menegaskan bahawa persoalan yang berhubungan dengan masalah wanita terutamanya isu kesetaraan gender ini mengundang pelbagai reaksi daripada masyarakat kerana permasalahan ini sering berkait rapat dengan persoalan keadilan sosial.

Sehubungan dengan ini, karya sastera dipandang sebagai fenomena psikologi kerana sesebuah karya yang telah dihasilkan itu menampilkan aspek kejiwaan yang menjadikan manusia yang dihadirkan dalam karya tersebut sebagai penggerak jiwa. Ratna, (2004) merumuskan bahawa terdapat tiga cara yang dapat dilakukan untuk memahami hubungan antara psikologi dengan sastera. Menurutnya tiga cara tersebut adalah:

- i. dengan memahami unsur-unsur kejiwaan pengarang;
- ii. dengan memahami unsur-unsur kejiwaan watak-watak dalam karya dan
- iii. dengan memahami unsur-unsur kejiwaan pembaca

Berdasarkan tiga hubungan ini, penelitian ini akan meninjau psikologi yang tersuguh dalam kumpulan *Perempuan Serpihan Malam* untuk memahami puisi-puisi yang terdapat dalam. Shirley Idris adalah seorang pengarang yang peka terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh individu dan masyarakat. Penelitian ini akan menganalisis sudut pandangan Shirley Idris (2106) dalam kumpulan puisi sulungnya yang bertajuk *Perempuan Serpihan Malam*. Sebagai seorang sukarelawan dan aktivis sosial Shirley Idris (2016, iii) telah merakamkan “sekelumit kehidupan yang tercarik dan sengsara, illusi erotik, delusi yang eksotik dalam kehidupan rumit penuh nuansa memfokuskan psikologi malah moral kebenaran yang hakiki” realiti kehidupan hitam seorang perempuan yang menjual dirinya. Rakaman kegawatan, kesakitan, kesembuhan jiwa, kebahagiaan, kegembiraan, kesedihan, kematian, pencarian hakiki, ketuhanan dan sebagainya terakam dalam puisi-puisi yang lahir dalam kumpulan ini. Memandangkan Shirley memilik kelebihan kerana bukan menjadi pemerhati semata-mata tetapi pernah bergaul dan mendekati pengalaman golongan ‘perempuan serpihan malam’ ini menempuh kepayahan dalam kembara hidup mereka, pastinya ada sedikit perbezaan dalam pengungkapan aksara kisah benar yang dirakamkannya dalam bentuk penulisan kreatif. Berdasarkan tema yang terdapat dalam kumpulan ini, pandangan tentang kumpulan ‘perempuan’ tersebut dianalisis. Secara ringkasnya, dalam kajian ini, peneliti akan menggunakan analisis deskriptif. Analisis ini digunakan untuk melihat sejauhmana kumpulan puisi ini Shirley Idris berjaya mengungkap isu feminis dalam hasil karyanya. Data yang digunakan ialah kumpulan puisi *Perempuan Serpihan Malam* (2016) terbitan Ikatan Penulis Kopi Sastera Malaysia, karya Shirley Idris. Data yang diolah adalah berdasarkan kerangka hubungan psikologi yang telah dirumuskan oleh Ratna (2004) yakni unsur-unsur kejiwaan pengarang; unsur-unsur kejiwaan dalam karya dan unsur-unsur kejiwaan pembaca. Setelah menganalisis ketiga aspek tersebut, maka peneliti akan menyimpulkan unsur feminisme yang terkandung dalam kumpulan ini.

### UNSUR-UNSUR KEJIWAAN PENGARANG: TAJUK

Buku yang berjudul *Perempuan Serpihan Malam* ini agak menarik dari segi pemilihan tajuk. Banyak yang ingin diungkapkan oleh Shirley melalui tajuk buku ini. Terdapat tiga perkataan dalam tajuk buku ini, iaitu ‘perempuan’, ‘serpihan’ dan ‘malam’. Ketiga-tiga perkataan ini membawa makna yang tersendiri. Sebagai permulaan mari kita melihat erti perkataan ‘perempuan’ yang digunakan dalam tajuk ini. Secara umumnya terdapat dua perkataan yang merujuk kepada gender ini iaitu ‘perempuan’ dan ‘wanita’. Secara ringkas mari kita melihat sebab yang mungkin menjadi alasan untuk pemilihan perkataan ‘perempuan’. Jika ditinjau dari segi makna, Nathes (1990), Nik Safiah Karim (1995), dan Siti Hajar Abdul Rahim (2005) telah membahaskan dengan panjang lebar tentang maksud perkataan ‘perempuan’ dan ‘wanita’. Sebagai rumusan kita lihat hujah Siti Hajar Abdul Rahim (2005) yang cuba mengupaskan perbezaan perkataan ini dalam ruang budaya masyarakat Malaysia. Antara lain beliau berpendapat bahawa

perkataan wanita biasanya digunakan dalam konteks formal, didapati bahawa kolokasinya cenderung tergolong dalam perkataan yang berkaitan dengan ekonomi, politik, kerjaya, perawakan, dan sebagainya. Ini secara tidak langsung menyebabkan wanita mewarisi konotasi budaya yang secara amnya lebih positif yang menghalang perkongsian dengan perkataan pejorasi atau mempunyai makna negatif. Manakala perempuan pula mempunyai fungsi yang lebih asas dan penting, yakni menentukan gender. Ini seharusnya menyebabkan perempuan neutral dari segi konotasi yang diwarisi. Namun, didapati bahawa konotasi neutral ini membolehkan perempuan digunakan dengan perkataan pejorasi, seperti yang dibincangkan di atas. Ini secara tidak langsung mendatangkan impak yang negatif ke atas perkataan perempuan.

(Siti Hajar Abdul Rahim 2005, 102)

Jelas, terdapat perbezaan yang ketara dalam dua istilah ini. Diperkatakan tentang tajuk ini memang tepat pemilihan perkataan perempuan dalam tajuk ini kerana Shirley Idris memilih dengan bijak untuk merujuk golongan yang terlibat dalam kegiatan pelacuran ini sebagai ‘perempuan’ kerana berkecenderungan negatif. Serpihan pula membawa maksud bahagian yang terpecah atau tersobek sedikit dari sesuatu benda; pecahan atau sobekan kecil-kecil dari sesuatu (*Kamus Dewan*, 2015). Dalam kumpulan puisi ini serpihan ini merujuk kepada golongan kaum hawa yang berkedudukan terpinggir dan negatif dalam kalangan masyarakat. Malahan golongan yang menjadi subjek ilham dalam puisi-puisi Shirley ini dilihat sebagai golongan yang telah berkecai atau hancur dari segi moralnya. Perkataan ‘malam’ kelihatan muncul banyak kali dalam kumpulan ini. Menurut Parker (2017):

*Night can be used in connection to darkness and acts as a cover over the world and can be used to represent an ‘end of the road.’ It can represent peace or tranquility or it can be as simple as death and darkness concerning the usage of shadows...There are two sides, night is the end of the day, where things are hidden in shadows but if there is a source of light, even a small one, the writer is trying to tell you about some internal or external conflict. Things in the light are generally safe, but things in the dark can be susceptible to danger.*

(<https://clutchink.wordpress.com/2013/02/20/7-common-symbols-in-literature/>)

Dalam konteks ini malam dalam buku ini melambangkan kematian (secara simbolik pelbagai aspek kehidupan), kegelapan jiwa, dan kehilangan iman. Sebagai imej, malam muncul berulang kali. Malam dalam kumpulan puisi *Perempuan Serpihan Malam* pula membawa maksud erti kegelapan yang memberi ruang untuk pelbagai perbuatan yang jijik dan gelap dari segi norma masyarakat.

Ketiga-tiga perkataan ini sememangnya menggambarkan identiti puisi-puisi yang diselitkan dalam kumpulan puisi ini. Jelas bahawa tajuk yang dipilih berjaya mendukung tema dan persoalan yang diketengahkan dalam kumpulan puisi ini. Tajuk ini telah menyerlahkan pendirian Shirley Idris terhadap golongan ‘perempuan’ yang dikupaskan dalam kumpulan puisi ini.

### UNSUR-UNSUR KEJIWAAN 'PEREMPUAN SERPIHAN MALAM'

Secara ringkasnya sajak-sajak dalam kumpulan ini bernuansa alam pengalaman yang dilihat oleh penulis semasa melakukan kerja-kerja kesukarelawanannya dengan golongan masyarakat yang terpinggir iaitu perempuan yang memperdagangkan tubuhnya untuk melangsakan keperluan hidup mereka. Gambaran kehidupan masyarakat ini yang terbatas di kawasan pelacuran bertaraf rendah di Brickfields ternyata amat mengerikan. Shirley Idris berkemungkinan memunculkan sajak-sajak ini untuk memberi sedikit pemahaman akan dunia 'perempuan serpihan malam' ini.

Perempuan ini  
dijaring penindasan dan penenangan  
disedut nafasnya tanpa ada jiwa.  
perempuan ini  
tetap berdiri di garis itu  
di lantai kehidupan menjalang  
kosong beberapa hasta  
kekeringan bahagia

(Shirley Idris, 2016: 7)

Ternyata Shirley cuba merakamkan suara-suara perempuan di lorong-lorong gelap kehidupan mencari nur kebahagiaan tetapi sering kecewa dengan hakikat hidup ciptaan mereka itu sendiri. Kehidupan yang bergelumang dengan dosa sering menghantui kehidupan mereka sehingga mereka tidak mampu membebaskan diri mereka daripada lingkaran hitam itu kerana bagi mereka itu:

aku memilih sunyi  
sebuah realiti yang bernoktah  
untuk sebuah rahsia  
tidak bernama

(Shirley Idris, 2016: 44)

Jika kita meninjau daripada sudut pandangan golongan feminis nonliberal seseorang perempuan itu pada hakikinya memiliki hak untuk memilih pekerjaan yang sesuai dengan kehendaknya. Rosemarie (2009) dalam bukunya yang bertajuk *Feminist Thought* menegaskan bahawa golongan yang berfahaman feminis liberal, secara terang-terangan membela "kerjaya" wanita pelacur dan ibu yang mengkomersialkan rahimnya. Hal ini tidak dapat dilihat dalam rakaman perasaan yang terdapat dalam puisi-puisi Shirley ini. Namun demikian Shirley kelihatan cenderung melihat pekerjaan golongan perempuan serpihan malam ini dengan meletakkan martabat yang rendah. Tanggapan ini selari dengan pandang patriarki yang dilestarikan oleh tradisi, agama, dan norma sosial masyarakat. Suara Shirley ini jelas melalui rangkap berikut:

kerana aku sudah hilang harga diri  
mencari guruh memeluk takdir  
menanti petir di pangkal bibir  
menjaja sebuah citra  
kita buaikan dalam melora palsu

(Shirley Idris, 2016: 23)

Jelas bahawa kumpulan puisi ini juga berjaya menerbitkan aroma kritikan sosial terhadap golongan 'perempuan serpihan malam' yang melayari kehidupan mereka sebagai seorang pelacur. Shirley menyoroti bagaimana golongan perempuan berusia di ibu kota terbelenggu dalam kancah pelacuran yang pada dasarnya merupakan sesuatu yang telah diharamkan di negara kita. Dalam menyirat bait-bait puisi kehidupan, Shirley melihat mereka sebagai orang yang mengharapkan sesuatu. Harapan itu dilontarnya dalam sajak yang berjudul 'Persembahan Perempuan' sebagai satu seruan yang berbunyi:

Singgahlah sang penyair  
perempuan itu menanti kasih  
bermajas dalam puisi  
nikmati puaskan diri  
hingga subuh bersahutan  
dari rindu menemukan debu  
hingga titik air mata berderai  
bercerai suratan sial  
yang musnah dalam impian

(Shirley Idris, 2016: 62)

Puisi ini tidak banyak menggunakan diksi puitis seiring dengan kebobrokan yang diungkapkan dalam bait-baitnya. Shirley sengaja memilih bahasa yang layak untuk sebuah narasi kegawatan. Cerita tentang pengalaman seorang pelacur meniti kesunyian hidup malam menanti pelanggannya dirakamkan dengan baik dalam puisi ini.

Dalam mata hati Shirley golongan perempuan serpihan malam ini sebenarnya melupakan sejenak bahawa mereka merupakan perempuan yang tidak layak mendapat perhatian golongan lelaki mengikut norma yang telah digariskan oleh masyarakat. Walaupun mereka semakin hanyut dan lemas dalam kemusnahan yang diciptakan oleh diri mereka namun mereka masih merindui dan menagih kasih sayang. Hal ini ketara dalam lowong kesedaran mereka ketika berada dalam pelukan kesepian yang memaksa mereka membuat muhasabah diri di hati mereka. Hasilnya berputik kejenuhan terhadap kegiatan yang dilakukan oleh mereka itu. Sifat mereka yang cair dengan godaan kaum lelaki yang mengunjungi dan menghampiri mereka untuk mencari kepuasan menerbitkan kekecewaan terhadap ketipisan pendirian mereka yang selalu dipatahkan oleh pujuk rayu pelanggan yang mengetuk pintu kesempatan. 'Aku Lupa Dikau Siapa' merupakan salah satu puisi yang cuba menyelami hakikat ini.

jauh jauh jauh jauh jauh jauh jauh  
inginku pergi menjauh bersama sajakku ini  
yang ada di depanku  
seribu cinta tak ada malu  
yang mendakap dan mendepang  
pecah dalam air mata  
dinihari yang berpamit pulang.  
(Shirley, 2016; 30)

Godaan tersebut membuat dirinya terus lemas dalam bayang-bayang ilusi yang berada di kubang kehancuran akibat kebahagiaan yang terzahir untuk waktu yang singkat itu menjadi candu baginya untuk tidak mampu berfikir secara rasional. Namun tatkala di tirai kesepian 'perempuan' itu jelas diulit oleh penyesalan yang dizahirkannya melalui 'air mata'.

Dalam beberapa puisi dalam kumpulan ini juga Shirley memperlihatkan kekecewaan golongan wanita tunasusila yang tidak mampu meleraikan lingkaran dosa silamnya. Akibatnya mereka cuba melarikan diri dalam khayalan diri untuk melupakan keperitan realiti yang tidak menerbitkan sebarang kemanisan kepada mereka dalam menghirup nikmat kehidupan. Shirley telah menciptakan satu watak yang menjadi teman yang mampu menyuntik rangsangan kepada golongan 'perempuan serpihan malam' ini. Watak Amaro yang diciptanya begitu berakar dalam pelbagai puisi yang terdapat dalam kumpulan puisi ini. Dalam memperkatakan watak Amaro ini, Shirley telah berkata bahawa

Amaro dalam bahasa Latin bermaksud sejenis herba yang memabukkan dan definisi yang lain pula membawa erti maskulin dan unggul. Amaro adalah satu entiti rangsangan berkarya dan saya wujudkan sebagai satu watak untuk saya bermonolog atau berinteraksi dalam karya.

(Shirley, 2016: iv)

Terdapat 23 buah puisi atau 40 peratus daripada 57 puisi yang terdapat dalam kumpulan ini membicarakan tentang watak Amaro. Terdapat 12 puisi yang menyelitkan watak ini dalam tajuknya manakala 11 lagi dalam teks puisi. Dalam ruang monolognya, Shirley cuba membawa kita menyelami naluri dan perasaan golongan 'perempuan serpihan malam' ini ke latar perkongsian realiti yang dihadapi oleh golongan ini. Sebagai satu dimensi dalam bicara ini, Amaro dihadirkan untuk mereka berterus-terang secara tulus tanpa perlu memikirkan implikasi dan reaksi daripada masyarakat. Hal ini ketara dalam puisi yang bertajuk 'Kesenyanan- Di ranjang mimpi Amaro'.

Kuhidu baumu Amaro bersama elusan dendam perawan  
geliat tubuhmu jana dalam kilau mentari  
adalah gumpalan-gumplan bayang kepedihan  
terkapar di gigi beting canda tak bermukim  
menyisir harapan ke pulau mimpi.  
(Shirley 2016:15)

Baris-baris ini membuktikan bahawa golongan 'perempuan serpihan malam' ini cuba melarikan diri daripada terus berhadapan dengan realiti. Seringkali mereka terbelenggu dalam jerutan godaan yang seterusnya menghanyutkan mereka dalam keghairahan dan kenakalan mereka berinteraksi dengan pelanggan mereka. Dalam konteks ini puisi-puisi Shirley ini seolah-olah ironis pada pandangan saya kerana menyiratkan kesedihan dalam sebuah keberhasilan yang hanya ciptaan ilusinya semata-mata. Amaro ini jelas sebagai satu watak yang memberikan pelarian kepada bilur-bilur penyesalan yang terpahat dalam jejak kehidupan mereka. Satu persoalan yang wajar kita halusi di sini ialah, kenapakah wanita yang menjadi mangsa golongan lelaki ini harus berlindung pada watak lelaki seperti Amaro. Bukankah ini satu kelemahan yang jelas menunjukkan bahawa wanita dalam kaca mata Shirley masih memerlukan lelaki? Tampak Shirley lebih cenderung kepada fahaman feminisme nonliberal dalam kumpulan puisi ini. Hal ini demikian kerana, pengarang masih terikat dengan acuan masyarakat patriarki dan hanya mampu bertindak autonomi dalam ilusi mereka. Keterbatasan ini mencerminkan bahawa Shirley, walaupun cuba melihat mereka sebagai golongan yang mampu membuat pilihan sendiri tetapi mereka masih dibayangi oleh norma-norma masyarakatnya.

Shirley juga berusaha untuk membela kaum wanita yang tersisihkan ini melalui puisinya yang bertajuk 'Monolog Di Pintu Rindu'. Lihat kutipan yang diperturunkan ini:

biar siang telah tiba  
gelora rasa tidak mungkin membaca perih hati lara  
walang merasuk dalam jiwa diam  
didetak galau hati berserakkan

dalam julai kasih nafasmu kubertaut  
bersenandung syair bibirmu kucumbu dalam gelap impian  
kulewati malam-malam dalam sunyi damai  
kelmarinnya tenggelam mimpi fatamorgana  
rawan rindu menari di jari  
menguruh ke sukma.

Di pintu rindu it  
kuselit rindu di langsir kenangan  
(Shirley 2016:64)

Sebagai makhluk sosial kita perlu reda bahawa kemungkinan hidup dan mati adalah sebuah kepasrahan. Puisi bertajuk 'Monolog Di Pintu Rindu' yang sarat dengan monolog seorang perempuan tunasusila seolah-olah bersendirian belegar-legar di angkasa kehidupan untuk menciptakan nuansa penyesalan mereka ini. Pemaknaan dari diksi puisi ini menyuguhkan kehidupan para 'perempuan serpihan malam' yang hidupnya bergelut dengan bayangan ketakutan akan realiti hukuman yang tidak berpihak kepadanya. Mereka sememangnya sedar akan rasa malu untuk mengakui pekerjaan tersebut yang dipandang hina oleh masyarakat.

Anak-anak mereka turut merasai kesan tempiasan tersebut. Nasib anak-anak ini disentuh secara simbolik dalam puisi yang bertajuk 'Bocah Tawa Menaung Dunia'. Anak-anak golongan tunasusila ini turut merasakan nasib yang sama dalam mencari akses terhadap pilihan hidup. Anak-anak gelandangan ini turut menumpang pengalaman ngeri dari dunia kejahatan ini dan sering juga menjadi mangsa kekerasan lain. Hal ini turut mendapat perhatian Shirley dalam kaca mata seorang 'perempuan serpihan malam' yang tua seperti berikut:

Hari semakin tua Amaro  
bocah-bocah bertelanjang hidup  
di mukanya kekonyohan  
menulis-nulis setangga rahsia  
pada siapa mengajari segala perih ini  
dalam erti tawa menaung dunia  
ke daerah tak kenal  
kesumbangan petualang  
bersidang segala tangis dan tawa  
kian maut di bawah jerih mentari,  
(Shirley, 2016: 66)

Kesan kegiatan yang mencemarkan ini bukan setakat merosakan diri 'perempuan serpihan malam' itu sahaja, malahan turut mengheret generasinya ke lembah kehinaan. Lantaran itu, Shirley turut terpanggil untuk menyentuh nasib golongan anak-anak yang turut berkelana dalam daerah ketidakpastian hasil sejarah hitam yang melingkari hidup mereka ini.

Sebagai penghujung bicaranya, Shirley turut merakamkan penyesalan golongan 'perempuan serpihan malam' ini setelah berjalan dalam kesesatan untuk menoleh mencari seberkas keinsafan. Untuk membalut luka tersebut, kepasrahan mereka kepada tika keimanan telah disarankan oleh Shirley dalam beberapa buah puisinya. Antaranya ialah "Pesan Apa Tuhan" dan "Tuhan Memanggil Aku". Setelah merantau di daerah pertikaian mereka memalingkan muka kepada Illahi untuk mencari penawar kepada derita mereka itu. Hal ini terakam dalam satu lagi puisinya yang bertajuk 'Mimpi Liar' seperti ini:

waktu kejora berkasmaman  
menutup lompong penyesalan  
ketika akal tidak lempar ke tepi  
segumpal fikir masih dia  
menanti Tuhan  
(Shirley, 2016: 63)

Tuhanlah merupakan satu-satunya tempat kita berserah diri untuk melepaskan diri daripada kesengsaraan yang dicipta oleh kelalaian dan kealpaan kita yang terlalu menurut hati. Namun demikian golongan yang menggunakan topeng agama dan berpura-pura juga telah ditempelak oleh Shirley melalui puisinya yang berjudul 'Menumpang Mimpi'.

Pongkah dalam silang kata  
kerlip mata degupan bertamsil  
gila ironi mendesir mabuk zikir  
kemunafikan tak berbunga  
di mana pohon cinta dan iman  
di celah suara tangis dan hairan  
(Shirley, 2016: 55)

Dalam sajak ini sikap segelintir lelaki yang datang untuk menjernihkan kekeliruan golongan ini turut berpura-pura dan mengambil kesempatan. Tingkah laku mereka juga sering bertentangan dengan apa yang mereka seru itu. Hal ini menyebabkan

golongan 'perempuan serpihan malam' ini turut rasa marah dan tidak mepedulikan bimbingan golongan seumpama ini. Saya berpendapat bahawa pandangan Islam terhadap golongan tunasusila tidak begitu tegas dan jelas. Kita sedar bahawa isu yang dibicarakan itu sememangnya jelas telah melanggar aturan agama Islam dan jika diperkasakan dengan sentuhan nilai agama yang lebih mendalam, mungkin akan menjadi lebih menarik untuk dihayati oleh mereka yang telah tergelincir dalam alur kehinaan ini.

### PERSOALAN UNTUK PEMBACA

Kumpulan puisi *Perempuan Serpihan Malam* ini jelas mengangkat tema feminis yakni golongan yang terlibat dalam dunia pelacuran. Dalam jalur perbincangannya Shirley sebenarnya cuba melihat pengalamannya sejujur yang mungkin. Kita sedia maklum bahawa golongan ini dianggap agak berani kerana membuat sesuatu yang bertentangan dengan norma masyarakat. Adakah tindakan mereka ini menempatkan diri mereka dalam barisan golongan wanita yang liberal sama ada dari segi pemikiran dan tindakan mereka?

Wanita yang dicitrakan oleh Shirley tidak kelihatan sebagai golongan yang memiliki kebebasan secara penuh dan individual. Mereka jelas terperangkap dalam dunia tersebut kerana tidak mampu mencari jalan keluar dan tidak melakukannya dengan sepenuh hati. Wujud penyesalan dan keinginan untuk melarikan diri daripada dunia tersebut. Ternyata pengalaman yang dituturkan oleh Shirley dalam sajak-sajaknya mencerminkan golongan perempuan yang dibicarakan dalam karyanya tidak memiliki atau menepati ciri liberal. Mereka lebih digambarkan sebagai golongan yang terperangkap dalam keadaan yang bukan menjadi pilihan diri mereka.

Selain itu, perempuan yang dicipta oleh Shirley juga tidak memperlihatkan kepada kita mereka memiliki kebebasan dan kedudukan yang sama dengan golongan lelaki. Mereka ditempatkan sebagai golongan terpinggir yang jauh lebih rendah martabatnya dalam hampir kesemua puisi ini kerana 'kerjaya' mereka tidak diiktiraf oleh masyarakat mereka. Hal ini juga mengukuhkan lagi bahawa perempuan yang diwujudkan oleh Shirley lebih layak untuk diklasifikasikan sebagai golongan nonliberal.

Seperti yang telah dikupaskan, aliran feminis melihat kedudukan wanita sebagai golongan yang akur kepada konvensi yang dilenturkan oleh masyarakat. Dalam jiwa golongan perempuan serpihan malam yang dilakarkan oleh Shirley, hal ini jelas kelihatan dengan jelas. Mereka sedar bahawa perbuatan mereka itu bertentangan dengan kehendak masyarakat dan menerima kesan daripada pilihan mereka tanpa mempersoalkannya. Mereka menjadi kumpulan yang sanggup menggadaikan pendirian mereka dan menerima norma yang telah ditegaskan oleh masyarakat mereka. Tambahan pula perempuan dalam kumpulan cerpen *Perempuan Serpihan Malam* ini pada pandangan saya masih meneguhkan kepada kita dan mencerminkan bahawa golongan wanita kekal sebagai mangsa subordinasi dalam masyarakat yang patriarki. Mereka bertolak ansur dan menerima nasib yang menimpa mereka dalam bentuk penyelesaian tanpa melihatnya dalam konteks yang lebih rasional. Mereka masa khuatir dan risau akan orang lain di luar sana sehingga sanggup bergelumang dengan penderitaan walaupun luka dan penderitaannya semakin parah, membarah dan membusung. Kelihatan seolah-olah Shirley tidak memandang golongan ini sebagai golongan yang liberal tetapi lebih cenderung sebagai golongan wanita.

### KESIMPULAN

Kumpulan puisi sulung Shirley Idris ini sememangnya berani kerana cuba membicarakan dan menziarahi isu tentang golongan perempuan tunasusila. Tema ini jarang disentuh dalam dunia kesusasteraan Melayu Malaysia. Dalam konteks ini, keberanian Shirley Idris harus diakui. Namun demikian, penghayatan puisi ini hanya merupakan satu ungkapan pemerhatian penulis yang pernah mendekati golongan seumpama ini. Lantaran itu, tidak ada banyak yang dapat diselami kecuali penzahiran emosi dan kekecewaan serta pengalaman hidup golongan ini secara mentah sahaja. Satu aspek yang harus disentuh ialah mekanisme yang mampu memperkasakan golongan ini untuk merekayasa keinginan mereka untuk keluar daripada kancas gejala sosial ini. Jika golongan ini dipacu dengan nilai seumpama ini, mungkin kumpulan puisi ini akan menjadi satu wacana ilmu kreatif yang lebih menarik.

Selain itu, penggunaan gaya bahasa yang agak menyembunyikan gugusan makna membuat pembaca tidak dapat menyelami sepenuhnya maksud yang ingin dilontarkan oleh penulis. Terdapat beberapa diksi yang bersifat ambigu dan menyukarkan penghayatan pembaca. Ekspresi bahasa yang terlalu bergantung kepada simbol peribadi juga turut menjadi kekangan kepada kita untuk mendekati medan makna dalam kumpulan ini. Pemilihan diksi yang kabur serta membawa pelbagai makna kabur turut terkesan dalam beberapa buah puisi dalam kumpulan puisi ini. Di samping itu, diksi-diksi yang agak berani seperti 'telanjang', 'kusetubuhi' dan 'menjamah tubuh' memperlihatkan kelantangan dan menyerlahkan keberanian Shirley untuk menggembara di ruang perbincangan yang tidak berselindung yang agak terasing dalam dunia kesusasteraan Malaysia. Namun demikian usaha pengarang untuk menyajikan bicara hati yang lebih segar dan berani terasa di sepanjang buku ini harus dipuji.

### RUJUKAN

- Elizatul Nastaysah Kamaruddin. (2016) *Representasi watak wanita dalam karya sastera Melayu moden berdasarkan kerangka Taklif*. (Masters thesis, Universiti Putra Malaysia).
- Fakih, M. (2010). *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Julian, W. K. (1980). *Social Problems*. New Jersey: Prentice-Hall., Inc.



*Kamus Dewan*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maryam Habibah Kamis (2015) *Tema-tema feminisme dalam karya Nawal el-Saadawi: kajian dari perspektif Islam*. (Master's Thesis Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mubin, Nurul. (2008). *Semesta Keajaiban Wanita, Tirai-Tirai Rahasia Keajaiban Penciptaan, Spiritualitas, dan Energi Psikologi Kaum Muslimah*. Yogyakarta: Diva Press.

Muhammad Nasir (2011) *Penjajahan dalam feminisme kajian novel Princess, Daughters of Arabia, Desert Royal karya Jean P. Sasson dan inside The Kingdom karya Carmen Bin Laden*. (Doctoral dissertation, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia).

Muwafiqotul Isma dan Hatim Gazali. (2016). Perempuan Dalam Citra Ketidakadilan Gender. *Muwazah*. Vol. 8, No.2, 2016.

Nathesan, S. (1990). Unsur Jantina dalam Bahasa: Satu Tinjauan Sociolinguistik. *Jurnal Dewan Bahasa*, 924-928.

Nik Safiah Karim (1995). Perempuan' dan 'Wanita': Perspektif Sociolinguistik. *Pelita Bahasa*, 7(4), 27-28.

Nnamdi Anumihe (2017). <http://www.thenewblackmagazine.com/view.aspx?index=2739>; diakses pada 29 Julai 2017.

Nor Azlia Mat Jaaffar (2009). *Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh Karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme* (Doctoral dissertation, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

Norhayati Binti Ab. Rahman (2005). *Puitika Sastera Wanita Dalam Novel-Novel Pengarang Wanita Indonesia Dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik*. (Thesis Ph.D. Universiti Sains Malaysia).

Nugroho, Riant. (2008). *Gender dan Strategi Pengarus-utamaannya di Indonesia*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Nursyamimi Saidi. (28 Ogos, 2014). Tangani isu wanita . *Utusan Malaysia*.

Palani Krishnasamy. (2011). *Pemikiran feminisme dalam sajak Tamil moden di Malaysia*. (Master's Thesis Jabatan Pengajian India, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

Parker. L.A. (2017). 7 Common Symbols in Literature <https://clutchink.wordpress.com/2013/02/20/7-common-symbols-in-literature/> akses pada 8 ogos 2017.

Pradopo Djoko Rachmat (1988. ). *Beberapa Gagasan Dalam Bidang Kritik Sastra Indonesia Modern*. Yogyakarta: PD. Lukman.

\_\_\_\_\_. (2000). *Pengkajian Puisi; Analisis Strata Norma dan Analisis Struktural dan Semiotik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Rajaswary Vairan, 2015. *Feminisme dalam novel Tamil Malaysia abad ke-21*. (Doctoral dissertation, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

Ratna, Nyoman Kutha. (2004). *Teori, Metode, dan Teknik Penelitian Sastra*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Rosemarie, Tong (2009). *Feminist Thought*. Colorado: Westview Press

Shirley Idris (2016). *Perempuan Serpihan malam*. Pulau Pinang: Ikatan Penulis Kopi Sastera Malaysia.

Siti Hajar Abdul Rahim (2005). Impak konotasi budaya terhadap lexis: Satu kajian semantik berasaskan korpus ke atas perkataan " Perempuan " dan " Wanita ". *Jurnal Bahasa*, 5(1), 83-111.

Siti Hajar Che Man (1999). *Feminisme dalam kesusasteraan Melayu: analisis kaedah bacaan Showalter*. (Tesis Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia)

Siti Khariah. (2004). *Citra Wanita dalam Novel-Novel Melayu daripada Perspektif Pengarang Wanita* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).

Tan Geck Choon. (2014). *Pelacur Imigran Cina di Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Tarigan, H. G. (1991). *Prinsip-Prinsip Dasar Sastra*. Bandung: Angkasa.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (Peny.) (2013). *Gender dalam Sastera Melayu Bangi*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Zaidan, A. R. (2002). *Pedoman Penelitian Sastra Daerah*. Jakarta: Pusat Bahasa, Departemen Pendidikan Nasional.

Saravanan P. Veeramuthu  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Email: saravanan@usm.my